

Hubungan baik letakkan ASEAN termaju di dunia

U.M. - 4 SEP 1971 ©
MELAKA 3 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad petang ini berkata, hubungan baik dan rapat antara negara-negara ASEAN telah meletakkan persatuan itu sebagai kumpulan negara yang termaju dan stabil di dunia.

Perdana Menteri berkata, ASEAN aman kerana negara-negara anggotanya tidak mempunyai niat yang tidak baik sesama mereka.

"Kita bemasib baik kerana tinggal di kawasan aman dan jiran-jiran kita tidak mempunyai niat yang tidak baik kepada kita. Kita juga tidak mempunyai niat yang tidak baik kepada jiran-jiran kita.

"Dalam keadaan aman ini, maka berpejuanglah kita untuk membangunkan negara masing-masing. Sebab itu, ASEAN merupakan satu kumpulan negara-negara di dunia yang termaju dan stabil.

"Ini adalah kerana kita mempunyai hubungan yang baik dan rapat dengan jiran-jiran kita," katanya semasa berucap merasmikan Taman Mini ASEAN di sini hari ini.

Beliau menambah hubungan yang baik antara jiran-jiran amat penting sekali dalam menentukan kestabilan dan keselamatan negara-negara di dunia.

Perdana Menteri berharap rakyat negara ini dapat mengetahui dan mendalami cara

hidup penduduk dari negara-negara jiran agar dapat merapat dan menjalinkan lagi hubungan.

Beliau berkata, dengan adanya Taman Mini ASEAN ini akan membolehkan rakyat negara ini mengetahui cara hidup penduduk dari negara-negara ASEAN.

Taman Mini ASEAN yang dibina dekat Air Keroh meliputi kawasan seluas 4 hektar dengan menelan belanja, kira-kira \$6 juta.

Lapan buah rumah dari negara-negara anggota ASEAN iaitu rumah Thailand A dan B, bahay kubo dan rumah vigan (Filipina) rumah joglo mangkurat dan Sulawesi Selatan (Indonesia), rumah air tangkup beloteng

(Brunei) dan rumah peranakan Singapura.

Projek itu dilaksanakan dengan kerjasama negara-negara jiran.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan bermatlamat untuk menjadikan jumlah pelancong yang melancong ke negara ini menyenangkan dengan jumlah penduduk di negara ini.

Beliau menambah, jumlah penduduk negara sekarang ini ialah seramai 18 juta dan adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menarik pelancong sebanyak itu juga ke sini.

Dato' Sri Dr. Mahathir memuji Melaka kerana telah berjaya menarik lebih 1 juta pelancong berbanding jumlah penduduk negeri ini iaitu 517,000 orang.